

PROGRAM BANTUAN RUMAH DHUAFA' (PBRD)



PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI
PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KUALA KRAI
PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN TANAH MERAH
PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN MACHANG



904 Penerima Bantuan

(bagi 11 Kawasan DUN di
3 PTJ tahun 2018 - 2021)



RM9.98 Juta

(Peruntukan DUN &
Tambahan 2020)



Jenis Bantuan PBRD

(Bina Baharu, Baik Pulih &
Sumbangan Bahan Binaan)

RUMUSAN AUDIT



“PBRD telah dapat memberi manfaat kepada penerima, namun objektif PBRD untuk menyediakan kediaman yang lebih selamat & selesa bagi meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin tegar & miskin masih belum dicapai sepenuhnya.”

PRESTASI PROGRAM

PENCAPAIAN OUTPUT

Penerima Bantuan

100% permohonan
diterima diluluskan:



18.4%

bina baharu



25.2%

baik pulih



56.4%

sumbangan
bahan binaan



Prestasi Fizikal

- 96.7%** rumah baharu dapat disiapkan
- 100%** baik pulih rumah dilaksanakan
- 100%** penerima menerima sumbangan bahan binaan

PENCAPAIAN KEBERHASILAN

- 4.3%** miskin tegar & miskin mendapat manfaat
- 97.7%** rumah baharu diduduki
- 92.1%** rumah yang dibaik pulih diduduki
- 73.5%** sumbangan bahan binaan diterima & dimanfaatkan
- 85.7%** penerima berpuas hati dengan bantuan PBRD



PENGURUSAN PROGRAM

- 97.8%** peruntukan dibelanjakan
- Sumbangan bahan binaan bernilai **RM21,833** tidak diterima
- Kerja baik pulih rumah bernilai **RM20,939** tidak dilaksanakan
- Bantuan bernilai **RM4,361** diluluskan/digunakan di luar skop
- Pembinaan rumah baharu tidak mengikut spesifikasi & kualiti



**PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI
PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KUALA
KRAI
PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN TANAH
MERAH
PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN MACHANG
PROGRAM BANTUAN RUMAH DHUAFA'**

Perkara Utama

**Apa yang
diaudit?**

- Program Bantuan Rumah Dhuafa' (PBRD) merupakan satu program membantu meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin tegar dan miskin dengan membina rumah baharu, baik pulih rumah dan sumbangan bahan binaan bagi menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa. Program ini dilaksanakan setiap tahun oleh Kerajaan negeri sejak tahun 2006 selaras dengan dasar Kerajaan negeri iaitu negeri berkebakikan.
- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap program bantuan rumah dhuafa' di Pejabat Tanah dan Jajahan (PTJ) Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang. Skop pengauditan adalah bagi tahun 2018 hingga 2021 yang meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan program.
- Bagi prestasi program, pencapaian output dinilai berdasarkan analisis peningkatan atau penurunan bilangan penerima bantuan. Analisis ini berdasarkan bilangan penerima bantuan bina baharu, baik pulih rumah dan sumbangan bahan binaan bagi PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang untuk tahun 2018 hingga 2021. Selain itu, pencapaian output juga diukur berdasarkan prestasi fizikal iaitu penerima bantuan rumah baharu yang dapat disiapkan, penerima bantuan baik pulih rumah dan sumbangan bahan binaan dalam tempoh tahun 2018 hingga 2021. Prestasi fizikal dinilai berdasarkan sampel lawatan bagi tiga jenis bantuan tersebut.

- Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan peratusan tiga jenis bantuan yang diterima oleh penerima sama ada mencapai objektif yang ditetapkan. Pengukuran dibuat mengikut tempoh skop pengauditan bagi sampel lawatan fizikal ke rumah penerima bantuan PBRD tahun 2018 hingga 2021. Selain itu, tahap kepuasan penerima bantuan juga diukur bagi memastikan kediaman yang disediakan adalah selamat dan selesa.
- Pengurusan program pula dinilai terhadap lima perkara, iaitu perancangan program, pemilihan penerima, pengurusan bayaran, spesifikasi dan kualiti serta pemantauan program.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

Pengauditan ini dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan PBRD telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu membantu meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin tegar dan miskin bagi menyediakan kediaman yang lebih selamat dan selesa.

Apa yang ditemui Audit?

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa PBRD dari segi pencapaian output adalah memuaskan. Dari aspek keberhasilan, walaupun PBRD dapat memberi manfaat kepada penerima, namun objektif PBRD belum dapat dicapai sepenuhnya untuk meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin tegar dan miskin bagi menyediakan kediaman yang lebih selamat dan selesa. Bagi pengurusan PBRD pula, terdapat kelemahan dari aspek pengurusan bayaran, spesifikasi dan kualiti serta pemantauan program. Kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Berlaku bayaran penuh bagi sumbangan bahan binaan yang tidak diterima sepenuhnya oleh penerima bantuan:
 - tiga penerima di PTJ Kuala Krai hanya menerima sebahagian daripada bahan binaan yang sepatutnya diterima dengan jumlah bahan binaan yang tidak diterima bernilai RM21,833.
- Bayaran penuh bagi kerja baik pulih rumah yang tidak sempurna:
 - 10 baucar bayaran bagi kerja baik pulih rumah yang tidak dilaksanakan bernilai RM20,939 telah dibuat pembayaran pada tahun 2020 dan 2021. Ia melibatkan lima baucar bayaran bagi

kerja yang tidak dilaksanakan berjumlah RM14,169 di PTJ Tanah Merah dan lima baucar bayaran berjumlah RM6,770 di PTJ Kuala Krai.

- Bantuan PBRD diluluskan/digunakan di luar skop program:
 - empat bantuan sumbangan bahan binaan bernilai antara RM368 hingga RM1,940 bagi setiap bantuan yang diluluskan tidak mengikut skop PBRD. Ia melibatkan nilai bantuan keseluruhan berjumlah RM4,361 bagi tiga penerima di PTJ Kuala Krai.
- Pembinaan rumah baharu tidak mengikut spesifikasi dan kualiti ditetapkan:
 - 11 rumah baharu yang dibina tidak dipasang dengan *awning* di bahagian belakang rumah. Ia melibatkan tiga rumah di PTJ Kuala Krai, tiga rumah di PTJ Tanah Merah dan lima rumah di PTJ Machang;
 - lawatan Audit ke PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang mendapati lima rumah yang dibina tidak dibekalkan dengan bilangan kipas yang mencukupi dan pintu panel kayu keras seperti yang ditetapkan; dan
 - lapan rumah yang dibina kurang memuaskan dari segi cat yang nipis di bahagian dalam rumah, pintu bilik air yang lebih pendek dari bingkai pintu, tiang antara bilik air dan bilik tidak dibuat, *concrete rings* untuk tangki najis dipasang secara melintang, siling dipasang tidak kemas dan lepaan pada dinding yang tidak memuaskan.
- Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif program dapat dicapai, adalah disyorkan kepada pihak terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:
 - Kerajaan negeri/Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) perlu meletakkan sasaran bagi pelaksanaan PBRD berdasarkan bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) yang perlu dibantu setiap

**Apa yang
disyor Audit?**

tahun dengan mengambil kira populasi KIR miskin tegar dan miskin;

- PPN sebagai penyelaras PBRD perlu mengkaji semula SOP bagi pelaksanaan bantuan dalam bentuk sumbangan bahan binaan bagi memastikan bahan binaan diterima sepenuhnya dan dimanfaatkan untuk memperbaiki rumah;
- PTJ perlu membuat pengesahan fizikal terhadap bekalan dan kerja yang dilaksanakan oleh pembekal serta kontraktor sebelum bayaran dibuat; dan
- PTJ perlu melakukan pemantauan terhadap tiga jenis bantuan bagi memastikan bekalan/kerja dilaksanakan mengikut skop bantuan, spesifikasi serta kualiti yang ditetapkan dan dimanfaatkan untuk mencapai objektif PBRD.

PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KUALA KRAI PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN TANAH MERAH PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN MACHANG

1. PROGRAM BANTUAN RUMAH DHUAFA'

FAKTA UTAMA

904 Penerima	RM9.98 Juta	RM9.76 Juta
Bantuan Rumah Dhuafa' diluluskan di Pejabat Tanah dan Jajahan (PTJ) Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang (2018 hingga 2021)	Peruntukan disalurkan bagi 11 kawasan DUN di tiga PTJ (2018 hingga 2021)	Dibelanjakan bagi 11 kawasan DUN di tiga PTJ (2018 hingga 2021)
Objektif PBRD	Membantu meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin tegar dan miskin bagi menyediakan kediaman yang lebih selamat dan selesa.	
Jenis peruntukan PBRD yang disalurkan kepada tiga PTJ	i. Peruntukan Dewan Undangan Negeri (DUN) ii. Peruntukan Tambahan 2020	
Pejabat Pembangunan Negeri (PPN)	i. Menyalurkan peruntukan kepada setiap PTJ. ii. Menyelaras Prosedur Operasi Standard (SOP), perancangan, pelaksanaan dan pemantauan PBRD bagi seluruh negeri Kelantan.	
PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang	Menyelaras perancangan, pelaksanaan dan pemantauan PBRD bagi setiap kawasan DUN di bawah seliaan masing-masing.	
Jenis Bantuan PBRD	i. Bantuan Bina Baharu ii. Baik Pulih Rumah iii. Sumbangan Bahan Binaan	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Program Bantuan Rumah Dhuafa' (PBRD) merupakan satu program membantu meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin tegar dan miskin dengan membina rumah baharu, baik pulih rumah dan sumbangan bahan binaan bagi menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa. Program ini dilaksanakan setiap tahun oleh Kerajaan negeri sejak tahun 2006 selaras dengan dasar Kerajaan negeri iaitu negeri berkeadilan.

1.2. Terdapat tiga jenis bantuan PBRD yang dilaksanakan iaitu bantuan bina baharu, baik pulih rumah dan sumbangan bahan binaan. Jumlah bantuan bina baharu adalah antara RM40,000 sehingga RM45,000 seunit. Jumlah bantuan maksimum bagi membaik pulih atau sumbangan bahan binaan pula adalah RM20,000.

1.3. Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan PBRD bagi seluruh negeri Kelantan. PPN juga bertanggungjawab menyelaraskan Prosedur Operasi Standard (SOP) pengurusan PBRD untuk digunakan oleh semua pihak yang terlibat dan menyalurkan peruntukan kepada setiap Pejabat Tanah dan Jajahan (PTJ). PTJ pula bertanggungjawab menyelaraskan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan PBRD bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di bawah seliaan masing-masing.

1.4. Pengurusan PBRD dikawal selia oleh PPN dan PTJ serta tertakluk kepada undang-undang dan peraturan seperti Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PP), Garis Panduan Program Bantuan Rumah Dhuafa' Kerajaan Negeri Kelantan (Pindaan kali ketiga berkuat kuasa 1 Januari 2017) dan Pekeliling Pembangunan Bil.3/2020. Selain itu, Garis Panduan Pelaksanaan Pembinaan Rumah Dhuafa' Mengguna Pakai Peruntukan Tambahan Rumah Dhuafa' (10 Jun 2020) juga digunakan.

1.5. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021, peruntukan PBRD terbahagi kepada tiga kategori iaitu peruntukan tahunan mengikut kawasan DUN (Peruntukan DUN), peruntukan tahunan untuk YAB Menteri Besar (Peruntukan Menteri Besar) dan Peruntukan Tambahan 2020. Peruntukan DUN dan Peruntukan Menteri Besar adalah peruntukan tahunan yang ditetapkan oleh Kerajaan negeri. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021, sejumlah RM44.80 juta peruntukan PBRD telah disalurkan melibatkan sejumlah RM21.60 juta Peruntukan DUN, RM4 juta Peruntukan Menteri Besar dan sejumlah RM19.20 juta Peruntukan Tambahan 2020. Maklumat terperinci peruntukan PBRD bagi tahun 2018 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERUNTUKAN PBRD BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2021

JENIS PERUNTUKAN	JUMLAH PERUNTUKAN MENGIKUT TAHUN (RM Juta)				JUMLAH (RM Juta)
	2018	2019	2020	2021	
Peruntukan DUN (45 DUN)	5.40	5.40	5.40	5.40	21.60
Peruntukan Menteri Besar	1.00	1.00	1.00	1.00	4.00
Peruntukan Tambahan 2020	-	-	19.20	-	19.20
JUMLAH	6.40	6.40	25.60	6.40	44.80

Sumber: PPN

1.6. Peruntukan DUN, Menteri Besar dan Tambahan 2020 ditentukan berdasarkan jumlah peruntukan tahunan kewangan semasa yang diluluskan dalam bajet tahunan dan diputuskan oleh Kerajaan negeri. Bagi Peruntukan DUN, jumlah yang disalurkan untuk setiap kawasan DUN adalah RM120,000 setahun melibatkan kesemua 45 kawasan DUN di negeri Kelantan. Bagi Peruntukan Tambahan 2020, Kerajaan negeri telah menetapkan

sejumlah RM400,000 bagi setiap kawasan DUN melibatkan kesemua 45 DUN dan sejumlah RM150,000 bagi lapan Penyelia DUN¹. Peruntukan Menteri Besar yang ditetapkan berjumlah RM1 juta setiap tahun dan diletakkan di bawah pusat tanggungjawab PPN. Maklumat peruntukan yang diterima bagi tahun 2018 hingga 2021 mengikut pusat tanggungjawab dan bilangan kawasan DUN adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PERUNTUKAN PBRD BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2021 MENGIKUT PUSAT TANGGUNGJAWAB

PUSAT TANGGUNG-JAWAB	BILANGAN KAWASAN DUN	PERUNTUKAN DUN (RM Juta)				PERUNTUKAN MENTERI BESAR (RM Juta)				PERUNTUKAN TAMBAHAN 2020 (RM Juta)	JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)
		2018	2019	2020	2021	2018	2019	2020	2021		
PTJ Kota Bharu	12	1.44	1.44	1.44	1.44	-	-	-	-	4.95	10.71
PTJ Pasir Mas	6	0.72	0.72	0.72	0.72	-	-	-	-	2.40	5.28
PTJ Tumpat	4	0.48	0.48	0.48	0.48	-	-	-	-	1.60	3.52
PTJ Pasir Puteh	4	0.48	0.48	0.48	0.48	-	-	-	-	1.60	3.52
PTJ Tanah Merah	4	0.48	0.48	0.48	0.48	-	-	-	-	1.90	3.82
PTJ Kuala Krai	4	0.48	0.48	0.48	0.48	-	-	-	-	1.60	3.52
PTJ Bachok	3	0.36	0.36	0.36	0.36	-	-	-	-	1.20	2.64
PTJ Gua Musang	3	0.36	0.36	0.36	0.36	-	-	-	-	1.65	3.09
PTJ Machang	3	0.36	0.36	0.36	0.36	-	-	-	-	1.20	2.64
PTJ Jeli	2	0.24	0.24	0.24	0.24	-	-	-	-	1.10	2.06
PPN	-	-	-	-	-	1.00	1.00	1.00	1.00	-	4.00
JUMLAH	45	5.40	5.40	5.40	5.40	1.00	1.00	1.00	1.00	19.20	44.80


Sumber: PPN dan PTJ

1.7. Proses pelaksanaan PBRD bagi Peruntukan DUN dan Tambahan 2020 bermula dengan PTJ menerima waran peruntukan daripada PPN. PTJ kemudiannya memaklumkan peruntukan yang diterima kepada pejabat ADUN/Penyelia DUN. Pejabat ADUN/Penyelia DUN akan mengarahkan penghulu/penggawa mengenal pasti calon penerima bantuan dalam kawasan masing-masing. Senarai nama calon penerima bantuan akan diluluskan oleh pejabat ADUN/Penyelia DUN dan seterusnya dikemukakan kepada PTJ. Penolong Jurutera PTJ akan menjalankan siasatan teknikal dan hasil siasatan dikemukakan kepada Ketua Jajahan untuk pengesahan.

1.8. Pihak PTJ akan membuat permohonan pengecualian sebut harga kepada Perbendaharaan Negeri bagi perolehan pembinaan rumah penerima bantuan yang diluluskan. Proses pelantikan kontraktor, pemantauan dan pembayaran dibuat oleh PTJ.

Carta proses pelaksanaan PBRD bagi Peruntukan DUN dan Tambahan 2020 adalah seperti dalam **Carta 1**.


CARTA 1
PROSES PELAKSANAAN PBRD BAGI
PERUNTUKAN DUN DAN TAMBAHAN 2020



Sumber: PPN

1.9. Proses pelaksanaan PBRD bagi Peruntukan Menteri Besar bermula dengan PPN menerima permohonan daripada pejabat ADUN atau individu. Penolong Jurutera di PPN atau PTJ akan membuat siasatan teknikal dan hasil siasatan akan dikemukakan kepada Pengarah PPN atau Ketua Jajahan untuk kelulusan. YAB Menteri Besar juga boleh memberi kelulusan terus terhadap permohonan yang dikemukakan oleh pejabat ADUN atau individu. Carta proses pelaksanaan PBRD bagi Peruntukan Menteri Besar seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
PROSES PELAKSANAAN PBRD BAGI PERUNTUKAN MENTERI BESAR



Sumber: PPN

1.10. Berdasarkan rekod PPN bagi tahun 2018 sehingga 2021, seramai 3,227 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar dan miskin telah mendapat manfaat daripada program ini. Ianya melibatkan seramai 550 penerima bantuan rumah baharu dan 2,677 penerima bantuan baik pulih rumah serta sumbangan bahan binaan. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
BILANGAN RUMAH DHUAFA' BAGI BINA
BAHARU, BAIK PULIH DAN SUMBANGAN BAHAN BINAAN
MENGIKUT PTJ BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2021

BIL.	JAJAHAN	JUMLAH RUMAH BAGI BINA BAHARU (Unit)				JUMLAH (Unit)	JUMLAH RUMAH BAGI BAIK PULIH DAN SUMBANGAN BAHAN BINAAN (Unit)				JUMLAH (Unit)	JUMLAH KESELURUHAN (Unit)
		2018	2019	2020	2021		2018	2019	2020	2021		
1.	Kota Bharu	19	20	78	23	140	96	48	338	59	541	681
2.	Pasir Mas	7	11	31	10	59	46	35	198	41	320	379
3.	Tumpat	7	9	17	9	42	97	56	155	20	328	370
4.	Tanah Merah	12	11	43	6	72	0	4	67	22	93	165
5.	Bachok	2	7	27	5	41	19	16	50	20	105	146
6.	Pasir Puteh	12	8	30	8	58	8	20	73	26	127	185
7.	Machang	5	7	22	6	40	16	8	89	10	123	163
8.	Kuala Krai	4	4	38	8	54	142	153	154	63	512	566
9.	Jeli	5	5	25	3	38	2	3	37	14	56	94
10.	Gua Musang	0	0	6	0	6	92	90	202	88	472	478
JUMLAH		73	82	317	78	550	518	433	1,363	363	2,677	3,227

Sumber: PPN

1.11. Berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Nasional daripada Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2019, sesebuah Isi Rumah (IR) di negeri Kelantan dianggap miskin tegar jika pendapatan perkapita kurang daripada RM282 sebulan bagi penduduk bandar dan RM272 sebulan bagi penduduk luar bandar. Kategori miskin pula terdiri daripada IR yang mempunyai pendapatan perkapita kurang daripada RM523 bagi bandar dan RM497 bagi luar bandar. Manakala kategori terkeluar adalah IR yang berada di luar dari kategori miskin dan miskin tegar iaitu mempunyai pendapatan perkapita melebihi RM523 bagi bandar dan RM497 bagi luar bandar. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri pada 27 Disember 2021, seramai 46,936 KIR di negeri Kelantan berada dalam kategori miskin tegar, 41,257 berada dalam kategori miskin dan 26,398 KIR berada dalam kategori terkeluar.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan PBRD telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu membantu meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin tegar dan miskin bagi menyediakan kediaman yang lebih selamat dan selesa.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program bagi tahun 2018 hingga 2021. Prestasi PBRD dinilai berdasarkan pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan PBRD pula dinilai terhadap perancangan program, pemilihan penerima, pengurusan bayaran, spesifikasi dan kualiti serta pemantauan program.

3.2. Pengauditan ini dilaksanakan di PPN serta PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang sebagai sampel pengauditan. Tiga PTJ ini mendapat agihan peruntukan sederhana dalam kalangan 10 PTJ di Kelantan yang melibatkan Peruntukan DUN dan Tambahan 2020 sahaja. Peruntukan Menteri Besar tidak terlibat di tiga PTJ yang diaudit dalam tempoh skop pengauditan. PTJ Kota Bharu, PTJ Tumpat dan PTJ Pasir Mas tidak dipilih sebagai sampel pengauditan PBRD pada kali ini memandangkan tiga PTJ tersebut telah diaudit dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2011.

3.3. PTJ Kuala Krai ialah pusat tanggungjawab bagi empat kawasan DUN iaitu Dabong, Guchil, Manek Urai dan Mengkebang. PTJ Tanah Merah pula merupakan pusat tanggungjawab bagi kawasan DUN Bukit Bunga, Bukit Panau, Gual Ipoh dan Kemahang. Kawasan DUN Kemuning, Pulai Chondong dan Temangan pula adalah di bawah pusat tanggungjawab PTJ Machang.

3.4. Bagi tahun 2018 hingga 2021, seramai 904 penerima telah mendapat manfaat daripada PBRD dengan nilai bantuan berjumlah RM9.76 juta bagi tiga PTJ yang diaudit. Ia melibatkan 580 penerima bantuan bagi PTJ Kuala Krai, 165 penerima bantuan bagi PTJ Tanah Merah dan 159 penerima bantuan bagi PTJ Machang. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENERIMA BANTUAN BAGI TIGA PTJ YANG TERLIBAT

TAHUN	SKOP						JUMLAH PENERIMA	JUMLAH (RM Juta)
	BINA BAHARU		BAIK PULIH		SUMBANGAN BAHAN BINAAN			
	BIL. PENERIMA	JUMLAH (RM Juta)	BIL. PENERIMA	JUMLAH (RM Juta)	BIL. PENERIMA	JUMLAH (RM Juta)		
PTJ KUALA KRAI								
2018	4	0.16	2	0.02	149	0.28	155	0.46
2019	4	0.16	-	-	158	0.30	162	0.46
2020	38	1.61	13	0.13	141	0.23	192	1.97
2021	8	0.35	4	0.06	59	0.07	71	0.48
JUMLAH KECIL	54	2.28	19	0.21	507	0.88	580	3.37

TAHUN	SKOP						JUMLAH PENERIMA	JUMLAH (RM Juta)
	BINA BAHARU		BAIK PULIH		SUMBANGAN BAHAN BINAAN			
	BIL. PENERIMA	JUMLAH (RM Juta)	BIL. PENERIMA	JUMLAH (RM Juta)	BIL. PENERIMA	JUMLAH (RM Juta)		
PTJ TANAH MERAH								
2018	12	0.48	-	-	-	-	12	0.48
2019	11	0.44	4	0.04	-	-	15	0.48
2020	43	1.82	64	0.55	3	0.02	110	2.39
2021	6	0.20	22	0.20	-	-	28	0.40
JUMLAH KECIL	72	2.94	90	0.79	3	0.02	165	3.75
PTJ MACHANG								
2018	5	0.20	16	0.16	-	-	21	0.36
2019	7	0.28	8	0.07	-	-	15	0.35
2020	22	0.88	85	0.68	-	-	107	1.56
2021	6	0.26	10	0.11	-	-	16	0.37
JUMLAH KECIL	40	1.62	119	1.02	-	-	159	2.64
JUMLAH KESELURUHAN	166	6.84	228	2.02	510	0.90	904	9.76

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.5. Lawatan fizikal telah diadakan di 266 (29.4%) daripada 904 lokasi rumah penerima bantuan PBRD bagi tiga PTJ berdasarkan permohonan yang diluluskan. Ia melibatkan 91 (54.8%) daripada 166 penerima bantuan rumah baharu, 126 (55.3%) daripada 228 penerima bantuan baik pulih rumah dan 49 (9.6%) daripada 510 penerima bantuan sumbangan bahan binaan. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
SAMPEL LAWATAN FIZIKAL AUDIT BAGI TIGA PTJ YANG TERLIBAT

JENIS BANTUAN	TAHUN	PTJ KUALA KRAI				PTJ TANAH MERAH				PTJ MACHANG			JUMLAH PENERIMA
		DABONG	GUCHIL	MANEK URAI	MENGKEBANG	BUKIT BUNGA	BUKIT PANAU	GUAL IPOH	KEMAHANG	KEMUNING	PULAI CHONDONG	TEMANGAN	
Bina Baharu	2018	-	-	-	-	-	-	-	-	1	3	1	5
	2019	-	-	-	-	-	-	1	-	2	1	3	7
	2020	10	-	3	3	10	11	9	8	3	2	-	59
	2021	3	2	1	2	2	3	-	1	3	1	2	20
JUMLAH KECIL		13	2	4	5	12	14	10	9	9	7	6	91
Baik Pulih	2018	-	-	-	-	-	-	-	-	4	-	4	8
	2019	-	-	-	-	-	-	4	-	-	-	-	4
	2020	-	5	2	-	4	9	13	15	3	7	20	78
	2021	-	2	-	2	3	-	14	5	-	7	3	36
JUMLAH KECIL		0	7	2	2	7	9	31	20	7	14	27	126

JENIS BANTUAN	TAHUN	PTJ KUALA KRAI				PTJ TANAH MERAH				PTJ MACHANG			JUMLAH PENERIMA
		DABONG	GUCHIL	MANEK URAI	MENGKEBANG	BUKIT BUNGA	BUKIT PANAU	GUAL IPOH	KEMAHANG	KEMUNING	PULAI CHONDONG	TEMANGAN	
Sumbangan	2018	5	2	1	-	-	-	-	-	-	-	-	8
	2019	4	-	2	-	-	-	-	-	-	-	-	6
	2020	-	5	6	3	3	-	-	-	-	-	-	17
	2021	-	-	18	-	-	-	-	-	-	-	-	18
JUMLAH KECIL		9	7	27	3	3	0	0	0	0	0	0	49
JUMLAH KESELURUHAN		22	16	33	10	22	23	41	29	16	21	33	266

Sumber: Jabatan Audit Negara

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan fail, rekod dan dokumen berhubung dengan PBRD. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan penerima bantuan yang diluluskan bagi tahun 2018 hingga 2021 yang melibatkan bantuan bina baharu, baik pulih rumah dan sumbangan bahan binaan.

4.2. Lawatan Audit dan pemeriksaan fizikal dilaksanakan di lokasi rumah bina baharu, rumah yang dibaik pulih dan penerima sumbangan bahan binaan. Khidmat nasihat daripada Bahagian Teknikal Jabatan Audit Negara juga diperolehi bagi menilai kerja baik pulih rumah bagi sebahagian sampel yang dipilih. Temu bual dengan pihak PPN, PTJ, YB. ADUN, penyelia DUN, pegawai, penghulu, kontraktor dan penerima bantuan yang terlibat juga diadakan. Selain itu, soal selidik mengenai kepuasan penerima bantuan PBRD dari segi keselamatan dan keselesaan turut dijalankan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan Januari hingga Disember 2021 terhadap PPN, PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang. Perkara yang ditemukan serta maklum balas PPN, PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 15 Jun 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi PBRD

5.1.1. Pencapaian Output

PPN dan PTJ tidak menetapkan sasaran output secara khusus untuk tiga jenis bantuan PBRD yang dilaksanakan setiap tahun. Memandangkan tiada indikator yang jelas untuk mengukur pencapaian output, pihak Audit menilai pencapaian output berdasarkan analisis peningkatan atau penurunan bilangan penerima bantuan. Analisis ini berdasarkan bilangan penerima bantuan bina baharu, baik pulih rumah dan sumbangan bahan binaan bagi PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang pada tahun 2018 hingga 2021. Selain itu, pencapaian output juga diukur berdasarkan prestasi fizikal iaitu bilangan rumah baharu yang dapat disiapkan, penerima bantuan baik pulih rumah dan sumbangan bahan binaan dalam tempoh tahun 2018 hingga 2021. Prestasi fizikal dinilai berdasarkan sampel lawatan bagi tiga jenis bantuan tersebut.

5.1.1.1. Bilangan Penerima Bantuan

- a. Dalam tempoh tahun 2018 hingga 2021, sebanyak 904 (100%) permohonan PBRD yang diterima telah diluluskan oleh 11 pejabat ADUN/Penyelia DUN di tiga PTJ. Kelulusan tersebut terdiri daripada jenis bantuan bina baharu, baik pulih dan sumbangan bahan binaan. Kelulusan bagi 904 penerima tersebut melibatkan 580 (64.2%) penerima PTJ Kuala Krai, 165 (18.2%) penerima PTJ Tanah Merah dan 159 (17.6%) penerima PTJ Machang.
- b. Bilangan penerima bagi tiga jenis bantuan untuk tiga PTJ pada tahun 2018 adalah 188 penerima telah meningkat kepada 192 penerima pada tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 2.1%. Pada tahun 2020, jumlah penerima telah meningkat kepada 409 penerima iaitu peningkatan sebanyak 113% berbanding tahun 2019. Peningkatan ketara ini disebabkan terdapat Peruntukan Tambahan 2020 berjumlah RM4.70 juta bagi tiga PTJ. Bagi tahun 2021 jumlah penerima telah menurun kepada 115 penerima. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
JUMLAH PENERIMA BANTUAN PBRD MENGIKUT TAHUN BAGI TIGA PTJ

PUSAT TANGGUNG JAWAB	KAWASAN DUN	PENERIMA BANTUAN MENGIKUT TAHUN				JUMLAH PENERIMA
		2018	2019	2020	2021	
PTJ Kuala Krai	Dabong	12	15	11	3	41
	Guchil	71	37	82	4	194
	Manek Urai	64	51	81	60	256

PUSAT TANGGUNG JAWAB	KAWASAN DUN	PENERIMA BANTUAN MENGIKUT TAHUN				JUMLAH PENERIMA
		2018	2019	2020	2021	
	Mengkebang	8	59	18	4	89
JUMLAH KECIL		155	162	192	71	580
PTJ Tanah Merah	Bukit Bunga	3	3	21	5	32
	Bukit Panau	3	3	15	3	24
	Gual Ipoh	3	6	44	14	67
	Kemahang	3	3	30	6	42
JUMLAH KECIL		12	15	110	28	165
PTJ Machang	Kemuning	9	3	39	3	54
	Pulai Chondong	3	9	25	8	45
	Temangan	9	3	43	5	60
JUMLAH KECIL		21	15	107	16	159
JUMLAH KESELURUHAN		188	192	409	115	904

Sumber: PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang

- c. Bilangan penerima bantuan PBRD mengikut jenis bantuan bagi tahun 2018 hingga 2021 terdiri daripada 166 (18.4%) penerima bantuan bina baharu, 228 (25.2%) penerima bantuan baik pulih rumah dan 510 (56.4%) penerima sumbangan bahan binaan. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
JUMLAH PENERIMA BANTUAN PBRD DI TIGA PTJ
BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2021 MENGIKUT JENIS BANTUAN

PUSAT TANGGUNG JAWAB	KAWASAN DUN	BILANGAN PENERIMA			
		BINA BAHARU	BAIK PULIH	SUMBANGAN BAHAN BINAAN	JUMLAH
PTJ Kuala Krai	Dabong	14	0	27	41
	Guchil	9	11	174	194
	Manek Urai	11	4	241	256
	Mengkebang	20	4	65	89
JUMLAH KECIL		54	19	507	580
PTJ Tanah Merah	Bukit Bunga	22	7	3	32
	Bukit Panau	20	4	0	24
	Gual Ipoh	14	53	0	67
	Kemahang	16	26	0	42
JUMLAH KECIL		72	90	3	165
PTJ Machang	Kemuning	17	37	0	54
	Pulai Chondong	14	31	0	45
	Temangan	9	51	0	60
JUMLAH KECIL		40	119	0	159
JUMLAH KESELURUHAN		166	228	510	904

Sumber: PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang

- d. Analisis Audit terhadap penerima bantuan PBRD berdasarkan jenis bantuan bina baharu, baik pulih rumah dan sumbangan bahan binaan mengikut kawasan DUN bagi tahun 2018 hingga 2021 adalah seperti berikut:

i. Penerima Bantuan Bina Baharu

- Semakan Audit mendapati sebanyak 166 bantuan bina baharu telah diluluskan dalam tempoh tahun 2018 hingga 2021 melibatkan 54 penerima di PTJ Kuala Krai, 72 penerima di PTJ Tanah Merah dan 40 penerima di PTJ Machang.
- Bagi tahun 2018, sebanyak 21 penerima telah diluluskan bantuan bina baharu bagi tiga PTJ dan jumlah ini meningkat kepada 22 penerima pada tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 4.8%. Bagi tahun 2020, bantuan bina baharu yang diluluskan telah meningkat sebanyak 368.2% menjadi 103 penerima berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan jumlah penerima bantuan bina baharu selaras dengan pertambahan peruntukan iaitu Peruntukan Tambahan 2020 bagi PBRD berjumlah RM4.70 juta untuk 11 kawasan DUN bagi tiga PTJ. Jumlah penerima bantuan bina baharu pada tahun 2021 menurun kepada 20 penerima atau 80.6% berbanding tahun 2020. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
JUMLAH PENERIMA BANTUAN BINA
BAHARU DI TIGA PTJ BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2021

PUSAT TANGGUNGJAWAB	KAWASAN DUN	BILANGAN PENERIMA BANTUAN BINA BAHARU				
		2018	2019	2020	2021	JUMLAH
PTJ Kuala Krai	Dabong	-	-	11	3	14
	Guchil	1	-	6	2	9
	Manek Urai	1	1	8	1	11
	Mengkebang	2	3	13	2	20
JUMLAH KECIL		4	4	38	8	54
PTJ Tanah Merah	Bukit Bunga	3	3	14	2	22
	Bukit Panau	3	3	11	3	20
	Gual Ipoh	3	2	9	-	14
	Kemahang	3	3	9	1	16
JUMLAH KECIL		12	11	43	6	72
PTJ Machang	Kemuning	1	3	10	3	17
	Pulai Chondong	3	1	9	1	14
	Temangan	1	3	3	2	9
JUMLAH KECIL		5	7	22	6	40
JUMLAH KESELURUHAN		21	22	103	20	166

Sumber: PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang

ii. Penerima Bantuan Baik Pulih Rumah

- Semakan Audit mendapati seramai 228 penerima telah diluluskan bantuan baik pulih rumah dalam tempoh tahun 2018 hingga 2021 melibatkan 19 penerima di PTJ Kuala Krai, 90 penerima di PTJ Tanah Merah dan 119 penerima di PTJ Machang. Bagi tahun 2018, seramai 18 penerima diluluskan bantuan baik pulih rumah dan jumlah ini menurun kepada 12 penerima pada tahun 2019 iaitu penurunan sebanyak 33.3%.
- Semakan Audit seterusnya mendapati empat kawasan DUN bagi PTJ Tanah Merah tidak melaksanakan bantuan baik pulih rumah pada tahun 2018 dan empat kawasan DUN bagi PTJ Kuala Krai tidak melaksanakan bantuan baik pulih rumah bagi tahun 2019. Bagi tahun 2020, jumlah penerima bantuan meningkat kepada 162 penerima iaitu peningkatan sebanyak 1,250% berbanding tahun 2019. Peningkatan ini selaras dengan pertambahan peruntukan bagi tahun semasa iaitu Peruntukan Tambahan 2020 yang disalurkan untuk 11 kawasan DUN yang terlibat. Bagi tahun 2021 pula, jumlah penerima yang diluluskan bantuan baik pulih rumah adalah 36 orang iaitu menurun 77.8% berbanding tahun sebelumnya. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
JUMLAH PENERIMA BANTUAN BAIK PULIH
RUMAH BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2021 DI TIGA PTJ

PTJ	KAWASAN DUN	BILANGAN PENERIMA				
		BAIK PULIH				
		2018	2019	2020	2021	JUMLAH
Kuala Krai	Dabong	-	-	-	-	0
	Guchil	-	-	9	2	11
	Manek Urai	-	-	4	-	4
	Mengkebang	2	-	-	2	4
JUMLAH KECIL		2	0	13	4	19
Tanah Merah	Bukit Bunga	-	-	4	3	7
	Bukit Panau	-	-	4	-	4
	Gual Ipoh	-	4	35	14	53
	Kemahang	-	-	21	5	26
JUMLAH KECIL		0	4	64	22	90
Machang	Kemuning	8	-	29	-	37
	Pulai Chondong	-	8	16	7	31
	Temangan	8	-	40	3	51
JUMLAH KECIL		16	8	85	10	119
JUMLAH KESELURUHAN		18	12	162	36	228

Sumber: PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang

iii. Penerima Bantuan Sumbangan Bahan Binaan

- Semakan Audit mendapati seramai 510 penerima telah diluluskan bantuan sumbangan bahan binaan melibatkan 507 penerima bagi tahun 2018 hingga 2021 di PTJ Kuala Krai dan tiga penerima bagi tahun 2020 di PTJ Tanah Merah. Kesemua tiga kawasan DUN bagi PTJ Machang tidak melaksanakan bantuan sumbangan bahan binaan. Bagi pusat tanggungjawab PTJ Tanah Merah, tiga penerima bantuan bahan binaan yang diluluskan adalah dalam kawasan DUN Bukit Bunga.
- Analisis Audit mendapati penerima bantuan sumbangan bahan binaan pada tahun 2019 adalah 158 penerima dan jumlah ini meningkat 6% berbanding 149 penerima pada tahun 2018. Bagi tahun 2020, bilangan penerima bantuan sumbangan bahan binaan adalah 144 penerima iaitu menurun 8.9% berbanding tahun 2019. Bagi tahun 2021, jumlah penerima bantuan ini menurun kepada 59 penerima iaitu penurunan sebanyak 59% berbanding tahun 2020. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
JUMLAH PENERIMA BANTUAN SUMBANGAN
BAHAN BINAAN BAGI TIGA PTJ PADA TAHUN 2018 HINGGA 2021

PTJ	KAWASAN DUN	BILANGAN PENERIMA				
		SUMBANGAN BAHAN BINAAN				
		2018	2019	2020	2021	JUMLAH
Kuala Krai	Dabong	12	15	-	-	27
	Guchil	70	37	67	-	174
	Manek Urai	63	50	69	59	241
	Mengkebang	4	56	5	-	65
JUMLAH KECIL		149	158	141	59	507
Tanah Merah	Bukit Bunga	-	-	3	-	3
	Bukit Panau	-	-	-	-	0
	Gual Ipoh	-	-	-	-	0
	Kemahang	-	-	-	-	0
JUMLAH KECIL		0	0	3	0	3
Machang	Kemuning	-	-	-	-	0
	Pulai Chondong	-	-	-	-	0
	Temangan	-	-	-	-	0
JUMLAH KECIL		0	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		149	158	144	59	510

Sumber: PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang

5.1.1.2. Prestasi Fizikal

Bagi menilai prestasi fizikal PBRD, semakan Audit telah dilaksanakan terhadap sampel 266 penerima bantuan PBRD yang diluluskan. Ia melibatkan 91 (54.8%) daripada 166 penerima bantuan bina baharu, 126 (55.3%) daripada 228 penerima bantuan baik pulih rumah dan 49 (9.6%) daripada 510 penerima bantuan sumbangan bahan binaan. Prestasi fizikal bagi tiga jenis bantuan PBRD seperti berikut:

a. Bantuan Bina Baharu

- i. Prestasi fizikal bagi bantuan bina baharu dinilai berdasarkan bilangan rumah yang disiapkan dalam tahun semasa bagi sampel 91 penerima bantuan bina baharu tahun 2018 hingga 2021 bagi tiga PTJ. Semakan Audit mendapati sebanyak 88 (96.7%) daripada 91 rumah baharu telah disiapkan dalam tahun semasa. Ia melibatkan kesemua sampel 24 rumah bagi PTJ Kuala Krai, 42 daripada 45 sampel rumah bagi PTJ Tanah Merah dan kesemua 22 sampel rumah bagi PTJ Machang.
- ii. **Lawatan fizikal Audit di DUN Bukit Panau, Tanah Merah pada 20 Disember 2021 mendapati tiga buah rumah Dhuafa' yang dibina pada tahun 2021 tidak dapat disiapkan.** Pihak Audit mendapati status kemajuan kerja pembinaan adalah antara 35% hingga 70% siap bagi rumah yang masing-masingnya bernilai RM40,000. Pada 16 Disember 2021, pihak PTJ telah membuat pembayaran berdasarkan kemajuan kerja iaitu antara RM14,000 hingga RM28,000. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 11** dan **Gambar 1** hingga **Gambar 6**.

JADUAL 11
RUMAH BINA BAHARU TIDAK DISIAPKAN DALAM TAHUN SEMASA

BIL.	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	TARIKH INDEN KERJA	TARIKH PERLU SIAP	NILAI BANTUAN (RM)	KEMAJUAN KERJA SIAP (%)	JUMLAH BAYARAN (RM)	NO. GAMBAR
PTJ TANAH MERAH								
1.	21ASBB0401295	16.12.2021	27.10.2021	30/12/2021	40,000	70	28,000	1 dan 2
2.	21ASBB0401296	16.12.2021	05.10.2021	30/12/2021	40,000	45	18,000	3 dan 4
3.	21ASBB0401297	16.12.2021	05.10.2021	30/12/2021	40,000	35	14,000	5 dan 6
JUMLAH					120,000		60,000	

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 1



GAMBAR 2



Bukit Panau, Tanah Merah
- Kemajuan kerja 70%
(06.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



GAMBAR 4



Bukit Panau, Tanah Merah
- Kemajuan kerja 45%
(06.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



GAMBAR 6



Bukit Panau, Tanah Merah
- Kemajuan kerja 35%
(06.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Perkara ini berlaku disebabkan pembayaran terpaksa diproses lebih awal kerana tarikh akhir penyediaan baucar bayaran peringkat PTJ ialah pada 16 Disember 2021 dan penutupan akaun kerajaan pada 20 Disember 2021. Keadaan ini menyebabkan rumah yang sepatutnya dapat diduduki dalam tahun 2021 masih belum dapat diduduki oleh penerima bantuan kerana pembinaannya tidak dapat diselesaikan dalam tahun tersebut.

Maklum Balas PTJ Tanah Merah yang Diterima Pada 6 Julai 2022

Tinjauan pihak PTJ Tanah Merah pada 4 Julai 2022 mendapati kesemua tiga rumah yang tidak dapat disiapkan pada tahun 2021 telah disiapkan sepenuhnya dan dua daripadanya telah diduduki.

b. Bantuan Baik Pulih Rumah

Prestasi fizikal bantuan baik pulih rumah dinilai berdasarkan bilangan rumah telah dibaik pulih bagi sampel 126 penerima bantuan baik pulih rumah tahun 2018 hingga 2021 di tiga PTJ. Semakan Audit mendapati kesemua 126 (100%) penerima bantuan baik pulih rumah dalam tempoh tahun 2018 hingga 2021 bagi tiga PTJ telah mendapat bantuan dan kerja baik pulih rumah telah dilaksanakan. Kesemua 126 penerima ini terdiri daripada 11 penerima di PTJ Kuala Krai, 67 penerima di PTJ Tanah Merah dan 48 penerima di PTJ Machang.

c. Sumbangan Bahan Binaan

- i. Prestasi fizikal bantuan sumbangan bahan binaan dinilai berdasarkan bilangan penerima bantuan yang telah menerima sumbangan bahan binaan bagi sampel 49 penerima bantuan tahun 2018 hingga 2021 di PTJ Kuala Krai dan PTJ Tanah Merah.
- ii. Semakan Audit mendapati kesemua 49 (100%) penerima telah menerima sumbangan bahan binaan dalam tempoh tahun 2018 hingga 2021. Ia melibatkan 46 penerima di PTJ Kuala Krai dan tiga penerima di PTJ Tanah Merah.

Pendapat Audit	Rumah yang gagal disiapkan dalam tahun semasa telah menjejaskan pencapaian output. Ini adalah kerana penerima masih tidak dapat menduduki rumah yang selamat dan selesai pada masa rumah sepatutnya siap.
-----------------------	--

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

5.1.2.1. Peratusan Sumbangan yang Dapat Membantu Golongan Miskin Tegar dan Miskin Menerima Bantuan PBRD.

- a. Objektif PBRD adalah untuk meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin tegar dan miskin dengan membina rumah baharu, membaik pulih dan menyumbang bahan binaan bagi menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan, (Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri) pada 27 Disember 2021, seramai 88,193 KIR di negeri Kelantan berada dalam kategori miskin tegar dan miskin. Ia merangkumi 46,936 KIR berada dalam status miskin tegar dan 41,257 berada dalam kategori miskin. Daripada jumlah itu seramai 7,159 KIR adalah miskin tegar dan miskin di kawasan DUN bagi PTJ Kuala Krai, 8,591 KIR di PTJ Tanah Merah dan 5,218 KIR di PTJ Machang. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 12** dan **Jadual 13**.

JADUAL 12
JUMLAH TERKUMPUL KIR MISKIN TEGAR DAN MISKIN
SEHINGGA TAHUN 2021 MENGIKUT PUSAT TANGGUNGJAWAB

PUSAT TANGGUNGJAWAB	BILANGAN KAWASAN DUN	KATEGORI		JUMLAH
		MISKIN TEGAR	MISKIN	
PTJ Kota Bharu	12	9,898	9,900	19,798
PTJ Pasir Mas	6	5,680	4,429	10,109
PTJ Tumpat	4	5,259	4,926	10,185
PTJ Pasir Puteh	4	4,726	3,990	8,716
PTJ Tanah Merah	4	4,522	4,069	8,591
PTJ Kuala Krai	4	4,266	2,893	7,159
PTJ Bachok	3	5,258	3,861	9,119
PTJ Gua Musang	3	2,907	2,991	5,898
PTJ Machang	3	2,739	2,479	5,218
PTJ Jeli	2	1,681	1,719	3,400
JUMLAH	45	46,936	41,257	88,193

Sumber: Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan, (Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri)

JADUAL 13
JUMLAH TERKUMPUL KIR MISKIN TEGAR DAN MISKIN
SEHINGGA TAHUN 2021 UNTUK TIGA PUSAT TANGGUNGJAWAB

PUSAT TANGGUNGJAWAB	KAWASAN DUN	KATEGORI		JUMLAH
		MISKIN TEGAR	MISKIN	
PTJ Kuala Krai	Mengkebang	1,396	1,025	2,421
	Guchil	842	685	1,527

PUSAT TANGGUNGJAWAB	KAWASAN DUN	KATEGORI		JUMLAH
		MISKIN TEGAR	MISKIN	
	Manek Urai	1,172	725	1,897
	Dabong	856	458	1,314
JUMLAH KECIL		4,266	2,893	7,159
PTJ Tanah Merah	Bukit Panau	1,556	1,579	3,135
	Gual Ipoh	1,415	1,193	2,608
	Kemahang	653	628	1,281
	Bukit Bunga	898	669	1,567
JUMLAH KECIL		4,522	4,069	8,591
PTJ Machang	Pulai Chondong	812	791	1,603
	Temangan	1,001	844	1,845
	Kemuning	926	844	1,770
JUMLAH KECIL		2,739	2,479	5,218
JUMLAH KESELURUHAN		11,527	9,441	20,968

Sumber: Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan, (Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri)

- b. Analisis Audit mendapati dalam tempoh empat tahun, **penerima bantuan PBRD bagi tiga PTJ meliputi 904 (4.3%) daripada 20,968 KIR miskin tegar dan miskin bagi 11 kawasan DUN di PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang.** Ia merangkumi 580 (8.1%) daripada 7,159 KIR miskin tegar dan miskin bagi empat kawasan DUN di PTJ Kuala Krai dan 165 (1.9%) daripada 8,591 KIR miskin tegar dan miskin bagi empat kawasan DUN di PTJ Tanah Merah. Selain itu, bagi tiga kawasan DUN di PTJ Machang, bantuan PBRD dalam tempoh yang sama juga dapat membantu seramai 159 (3%) daripada 5,218 KIR miskin tegar dan miskin. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 14.**

JADUAL 14
BILANGAN TERKUMPUL PENERIMA BANTUAN
BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2021 BERBANDING
MISKIN TEGAR DAN MISKIN UNTUK TIGA PUSAT TANGGUNGJAWAB

PUSAT TANGGUNG-JAWAB	BILANGAN KAWASAN DUN	KATEGORI		JUMLAH	PENERIMA BANTUAN BAGI EMPAT TAHUN	PERATUS (%)
		MISKIN TEGAR	MISKIN			
PTJ Kuala Krai	Mengkebang	1,396	1,025	2,421	89	3.7
	Guchil	842	685	1,527	194	12.7
	Manek Urai	1,172	725	1,897	256	13.5
	Dabong	856	458	1,314	41	3.1
JUMLAH KECIL		4,266	2,893	7,159	580	8.1
PTJ Tanah Merah	Bukit Panau	1,556	1,579	3,135	24	0.7
	Gual Ipoh	1,415	1,193	2,608	67	2.6

PUSAT TANGGUNG-JAWAB	BILANGAN KAWASAN DUN	KATEGORI		JUMLAH	PENERIMA BANTUAN BAGI EMPAT TAHUN	PERATUS (%)
		MISKIN TEGAR	MISKIN			
	Kemahang	653	628	1,281	42	3.3
	Bukit Bunga	898	669	1,567	32	2.0
JUMLAH KECIL		4,522	4,069	8,591	165	1.9
PTJ Machang	Pulai Chondong	812	791	1,603	45	2.8
	Temangan	1,001	844	1,845	60	3.3
	Kemuning	926	844	1,770	54	3.1
JUMLAH KECIL		2,739	2,479	5,218	159	3.0
JUMLAH KESELURUHAN		11,527	9,441	20,968	904	4.3

Sumber: Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan, (Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri) dan Jabatan Audit Negara

5.1.2.2. Rumah Siap Dibina/Dibaik Pulih dan Diduduki

- Pencapaian keberhasilan juga dinilai berdasarkan peratusan tiga jenis bantuan yang diterima oleh penerima sama ada mencapai objektif yang ditetapkan. Pengukuran dibuat mengikut tempoh skop pengauditan bagi sampel lawatan fizikal ke rumah penerima bantuan PBRD tahun 2018 hingga 2021. Selain itu, tahap kepuasan penerima bantuan juga diukur bagi memastikan kediaman yang disediakan adalah selamat dan selesa.
- Lawatan fizikal Audit terhadap 266 lokasi rumah penerima bantuan PBRD bagi tiga PTJ mendapati pencapaian keberhasilan seperti di perenggan berikut:

i. Bantuan Bina Baharu

- Pencapaian keberhasilan bagi bantuan bina baharu diukur berdasarkan peratusan penerima bantuan yang dapat menduduki rumah baharu dalam keadaan selamat dan selesa berdasarkan sampel yang dipilih.
- Semakan Audit mendapati 86 (97.7%) daripada 88 penerima bantuan dapat menduduki rumah baharu dalam tempoh tahun 2018 hingga 2021 di tiga PTJ. Pihak Audit mendapati dua penerima bantuan tidak menduduki rumah yang telah siap dibina.
- Lawatan fizikal Audit pada 5 April 2021 di Machang dan 7 November 2021 di Tanah Merah mendapati dua buah rumah yang telah siap dibina tidak diduduki.** Rumah yang

berharga RM40,000 setiap satu itu telah disiapkan pada tahun 2019 dan 2020. Setakat tarikh lawatan fizikal dan tarikh siap dibina, tempoh rumah berkenaan tidak diduduki adalah 11 bulan bagi rumah di Tanah Merah dan 19 bulan bagi rumah di Machang. Butiran seperti dalam **Jadual 15** dan **Gambar 7** hingga **Gambar 10**.

JADUAL 15
RUMAH BAHARU YANG SIAP DIBINA TIDAK DIDUDUKI


BIL.	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	KAWASAN DUN	TARIKH SIAP DIBINA	TARIKH LAWATAN FIZIKAL	TEMPOH TIDAK DIDUDUKI (Bulan)	KOS PEMBINAAN	NO. GAMBAR
PTJ TANAH MERAH								
1.	V0001741	29/11/2020	Kemahang	24.11.2020	07.11.2021	11	40,000	7 dan 8
PTJ MACHANG								
1.	V0000935	23/10/2019	Kemuning	18.09.2019	05.04.2021	19	40,000	9 dan 10
JUMLAH							80,000	

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 7



GAMBAR 8




Kemahang, Tanah Merah
- Rumah Tidak Diduduki
(07.11.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



GAMBAR 10



Kemuning, Machang
- Rumah Tidak Diduduki
(05.04.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Pihak Audit dimaklumkan penerima bantuan bagi rumah di Tanah Merah tidak mendiami rumah tersebut kerana penerima bantuan bekerja di Kuala Lumpur. Bagi rumah di Machang pula, perselisihan faham antara ahli keluarga menyebabkan penerima tidak dibenarkan mendiami rumah tersebut. Tanah tapak rumah berkenaan adalah atas nama ibu penerima. Perkara ini menyebabkan objektif program masih belum dapat dicapai kerana rumah masih belum diduduki. Rumah yang tidak diduduki mengundang risiko kerosakan.
- Bagi 86 penerima bantuan yang telah menduduki rumah baharu, seramai 65 (75.6%) penerima telah dapat menduduki rumah dalam keadaan selamat dan selesa. Baki **21 (24.4%) penerima** pula **telah menduduki rumah dalam keadaan kurang selamat dan selesa disebabkan rumah yang dibina tidak berkualiti, tidak mengikut pelan dan spesifikasi yang ditetapkan dan tidak dibekalkan dengan kelengkapan rumah sebagaimana sepatutnya.** Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 16.**

JADUAL 16
TAHAP KEBERHASILAN BAGI BANTUAN BINA BAHARU

PERKARA	PTJ			JUMLAH PENERIMA
	KUALA KRAI	TANAH MERAH	MACHANG	
Rumah diduduki dalam keadaan selamat dan selesa	15	36	14	65
Rumah diduduki dalam keadaan kurang selamat dan selesa	9	5	7	21
Rumah siap tidak diduduki	-	1	1	2
JUMLAH	24	42	22	88

Sumber: Jabatan Audit Negara

ii. Bantuan Baik Pulih Rumah

- Bagi bantuan baik pulih rumah, pencapaian keberhasilan diukur berdasarkan peratusan penerima bantuan yang rumah mereka telah dilaksanakan kerja baik pulih sepenuhnya berdasarkan skop kerja yang diluluskan.
- Semakan Audit mendapati rumah bagi 116 (92.1%) daripada 126 penerima bantuan telah dilaksanakan kerja baik pulih sepenuhnya sebagaimana skop kerja yang diluluskan. Pihak Audit mendapati **10 (7.9%) rumah tidak dibaiki sepenuhnya seperti yang**

dinyatakan dalam butiran kerja yang diluluskan. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PENCAPAIAN KEBERHASILAN BAGI BANTUAN BAIK PULIH RUMAH

PERKARA	PTJ			JUMLAH PENERIMA
	KUALA KRAI	TANAH MERAH	MACHANG	
Kerja dilaksanakan mengikut skop	6	62	48	116
Tidak dibaik pulih sepenuhnya	5	5	0	10
JUMLAH	11	67	48	126

Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Sumbangan Bahan Binaan

- Bagi bantuan sumbangan bahan binaan, pencapaian keberhasilan diukur berdasarkan peratusan penerima bantuan yang menerima sepenuhnya sumbangan bahan binaan yang melibatkan komponen untuk membina asas rumah dan dimanfaatkan berbanding dengan jumlah penerima yang diluluskan.
- Semakan Audit mendapati seramai 36 (73.5%) daripada 49 penerima bantuan yang diluluskan telah menerima sumbangan bahan binaan dan dimanfaatkan sebagaimana tujuan yang diluluskan. Pihak Audit mendapati **13 (26.5%) penerima hanya menerima sebahagian bahan binaan, tidak menggunakan sepenuhnya bahan binaan dan menggunakan bahan binaan untuk tujuan lain.** Bahan binaan digunakan untuk tujuan lain seperti membina infrastruktur di luar rumah dan menambah ruangan rumah kedai. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
TAHAP KEBERHASILAN BAGI BANTUAN SUMBANGAN BAHAN BINAAN

KETERANGAN	PTJ			JUMLAH
	KUALA KRAI	TANAH MERAH	MACHANG	
Menerima dan memanfaatkan sumbangan bahan binaan untuk membaiki rumah.	34	2	0	36
Tidak memanfaatkan sumbangan bahan binaan untuk tujuan membina/baik pulih komponen asas rumah.	12	1	0	13
JUMLAH	46	3	0	49

Sumber: Jabatan Audit Negara

- Lawatan fizikal Audit ke rumah penerima bantuan mendapati **enam penerima sumbangan bahan binaan di PTJ Kuala Krai dan satu penerima di PTJ Tanah Merah tidak menggunakan sepenuhnya bahan binaan yang diterima berjumlah RM13,323**. Pihak Audit mendapati bahan binaan tersebut tidak digunakan antara satu hingga 16 bulan yang terdiri daripada zink, kayu, bata dan lain-lain. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 19** dan **Gambar 11** hingga **Gambar 16**.

JADUAL 19
BAHAN BINAAN YANG DITERIMA TIDAK DIGUNAKAN

BIL.	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	KAWASAN DUN	TARIKH LAWATAN FIZIKAL	TEMPOH BAHAN BINAAN TIDAK DIGUNAKAN (Bulan)	HARGA BAHAN BINAAN (RM)	JENIS BAHAN BINAAN YANG TIDAK DIGUNAKAN
PTJ KUALA KRAI							
1.	V0000544	15.06.2020	Guchil	21.10.2021	16	750	Zink
2.	V0000544	15.06.2020	Guchil	21.10.2021	16	1,625	Zink dan kayu
3.	V0001625	03.12.2020	Guchil	21.10.2021	10	1,050	Zink
4.	V0001625	03.12.2020	Guchil	21.10.2021	10	1,200	Zink
5.	21AUBB0400332	22.04.2021	Manek Urai	11.01.2022	9	450	Bata
6.	21AUBB0400581	24.06.2021	Manek Urai	11.01.2022	7	1,248	Kayu
PTJ TANAH MERAH							
1.	21ASBB0401050	13.12.2021	Kemahang	16.01.2022	1	7,000	Besi, batu, kayu, zink ecodex, pasir ikat dan pasir lepa
JUMLAH						13,323	

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 11



Guchil, Kuala Krai
- Zink dan Kayu yang Diterima Tidak Digunakan (21.10.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12



Manek Urai, Kuala Krai
- Kayu yang Diterima Tidak Digunakan (11.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13



GAMBAR 14



Kemahang, Tanah Merah
- Bahan Binaan yang Diterima Tidak Digunakan
(16.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 15



GAMBAR 16



Kemahang, Tanah Merah
- Bahan Binaan yang Diterima Tidak Digunakan
(16.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Perkara ini berlaku disebabkan penerima sumbangan bahan binaan menghadapi masalah kewangan untuk mengupah tukang rumah, tidak mahir untuk bertukang sendiri dan mengalami masalah kesihatan. Selain itu, wujud kelemahan pada peringkat dasar iaitu SOP PBRD bagi sumbangan bahan binaan. SOP tidak menyatakan dengan jelas pihak yang bertanggungjawab melakukan pemantauan terhadap bahan binaan yang telah diterima oleh penerima bantuan. Keadaan ini menyebabkan langkah pemantauan hanya dilakukan setakat bahan binaan diterima oleh penerima bantuan sahaja.
- **Bahan binaan yang tidak digunakan menyebabkan rumah yang rosak atau uzur masih belum dibaik pulih dan objektif program untuk membantu golongan sasaran bagi menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa tidak tercapai.** Selain itu, bahan binaan yang tidak digunakan mengundang risiko kehilangan, kerosakan dan pembaziran.

iv. Soal Selidik Kajian Kepuasan Penerima Bantuan

- Bagi mengukur tahap kepuasan penerima bantuan PBRD, pihak Audit telah melakukan lawatan fizikal ke 266 rumah bagi meninjau keadaan rumah serta mengadakan temu bual dengan penerima bantuan berdasarkan borang soal selidik yang disediakan.
- Analisis Audit terhadap maklum balas soal selidik mendapati 228 (85.7%) daripada 266 penerima bantuan berpuas hati dengan bantuan PBRD. Ini merangkumi 64 (79.0%) daripada 81 penerima bagi PTJ Kuala Krai, 102 (88.7%) daripada 115 penerima bagi PTJ Tanah Merah dan 62 (88.6%) daripada 70 penerima bagi PTJ Machang. Penerima berpuas hati kerana bantuan yang diberikan dapat meningkatkan kualiti hidup, memberi tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa serta mengurangkan beban perbelanjaan mereka kerana sebelum ini terpaksa menyewa rumah. **Seramai 38 (14.3%) penerima bantuan pula tidak berpuas hati dengan bantuan yang diberikan.** Ia merangkumi 17 penerima bagi PTJ Kuala Krai, 13 penerima bagi PTJ Tanah Merah dan lapan penerima bagi PTJ Machang. Penerima tidak berpuas hati antaranya disebabkan rumah gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, pembinaan rumah tidak mengikut spesifikasi dan kualiti sebagaimana sepatutnya serta sumbangan bahan binaan tidak diterima sepenuhnya. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
SOAL SELIDIK TAHAP KEPUASAN PENERIMA BANTUAN PBRD BAGI TIGA PTJ

BIL.	KAWASAN DUN	BIL. PENERIMA YANG DISOAL SELIDIK	BINA BAHARU		BAIK PULIH		SUMBA-NGAN		JUMLAH BERPUAS HATI	JUMLAH PENERIMA YANG TIDAK BERPUAS HATI	BERPUAS HATI (%)	TIDAK BERPUAS HATI					
			*/	*X	*/	*X	*/	*X				1	2	3	4	5	6
PTJ KUALA KRAI																	
1.	Dabong	22	9	4	-	-	6	3	15	7	68.2	-	-	-	4	-	3
2.	Guchil	16	-	2	3	4	7	-	10	6	62.5	-	2	-	2	4	-
3.	Manek Urai	33	1	3	2	-	27	-	30	3	90.9	-	1	2	-	-	-
4.	Mengkebang	10	5	-	1	1	3	-	9	1	90.0	-	-	-	-	1	-
JUMLAH		81	15	9	6	5	43	3	64	17	79.0	0	3	2	6	5	3
PTJ TANAH MERAH																	
1.	Bukit Bunga	22	12	-	7	-	3	0	22	0	100	-	-	-	-	-	0
2.	Bukit Panau	23	10	4	6	3	-	-	16	7	69.6	3	1	-	-	3	-
3.	Gual Ipoh	41	9	1	31	-	-	-	40	1	97.6	-	-	1	-	-	-
4.	Kemahang	29	6	3	18	2	-	-	24	5	82.8	-	2	1	-	2	-
JUMLAH		115	37	8	62	5	3	0	102	13	88.7	3	3	2	0	5	0

BIL.	KAWASAN DUN	BIL. PENERIMA YANG DISOAL SELIDIK	BINA BAHARU		BAIK PULIH		SUMBA-NGAN		JUMLAH BERPUAS HATI	JUMLAH PENERIMA YANG TIDAK BERPUAS HATI	BERPUAS HATI (%)	TIDAK BERPUAS HATI					
			*/	*X	*/	*X	*/	*X				1	2	3	4	5	6
PTJ MACHANG																	
1.	Kemuning	16	6	3	7	-	-	-	13	3	81.3	-	-	1	2	-	-
2.	Pulai Chondong	21	4	3	14	-	-	-	18	3	85.7	-	3	-	-	-	-
3.	Temangan	33	4	2	27	-	-	-	31	2	93.9	-	2	-	-	-	-
JUMLAH		70	14	8	48	0	0	0	62	8	88.6	0	5	1	2	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		266	66	25	116	10	46	3	228	38	85.7	3	11	5	8	10	3

Sumber : Jabatan Audit Negara

Petunjuk : (*) / - Ya

(*) X - Tidak

Nota:

1. Rumah tidak siap dalam tahun semasa
2. Rumah tidak mengikut pelan dan spesifikasi
3. Peralatan rumah tidak mengikut ciri-ciri yang ditetapkan
4. Kualiti rumah yang kurang memuaskan
5. Kerja baik pulih tidak sepenuhnya seperti yang dinyatakan dalam skop kerja
6. Sumbangan bahan binaan tidak diterima sepenuhnya

Maklum Balas PPN, PTJ Kuala Krai dan PTJ Tanah Merah yang Diterima Pada 19 Mei 2022 dan 6 Julai 2022

Pihak PPN sedang dalam tindakan untuk mengemas kini SOP bagi pelaksanaan PBRD dengan memberi penekanan kepada bantuan sumbangan bahan binaan supaya kawalan lebih ketat dapat dilaksanakan oleh PTJ.

Pihak PTJ Kuala Krai memaklumkan, berdasarkan SOP sedia ada bagi sumbangan bahan binaan, tanggungjawab PTJ hanya setakat pengesahan bekalan bahan binaan disempurnakan oleh pihak pembekal kepada penerima mengikut jumlah atau bilangan yang sepatutnya.

Hasil tinjauan pihak PTJ Tanah Merah pada 4 Julai 2022 mendapati sebahagian bahan binaan yang dibekalkan kepada penerima telah digunakan dan baki bahan binaan akan digunakan.

Pendapat Audit

Objektif PBRD masih belum tercapai selagi rumah yang siap dibina tidak diduduki dan sumbangan bahan binaan yang diterima tidak digunakan. Penerima bantuan yang mengalami masalah kewangan, kesihatan dan tiada kemahiran tidak wajar diberi bantuan sumbangan bahan binaan.

5.2. Pengurusan PBRD

5.2.1. Prestasi Kewangan PBRD

5.2.1.1. Perbelanjaan Mengikut DUN

Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021, sejumlah RM9.98 juta peruntukan kewangan PBRD telah disalurkan kepada tiga PTJ yang diaudit. Peruntukan tersebut merangkumi sejumlah RM5.28 juta Peruntukan DUN dan RM4.70 juta Peruntukan Tambahan 2020. Daripada jumlah itu, RM3.52 juta disalurkan kepada PTJ Kuala Krai, RM3.82 juta kepada PTJ Tanah Merah dan sejumlah RM2.64 juta kepada PTJ Machang. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
JUMLAH PERUNTUKAN PBRD YANG DISALURKAN
KEPADA TIGA PTJ BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2021

BIL.	PUSAT TANGGUNG- JAWAB	KAWASAN DUN	PERUNTUKAN (RM Juta)					
			2018	2019	2020		2021	JUMLAH
			TAHUNAN	TAHUNAN	TAHUNAN	TAMBAHAN	TAHUNAN	
1.	PTJ Kuala Krai	Dabong	0.12	0.12	0.12	0.40	0.12	0.88
		Guchil	0.12	0.12	0.12	0.40	0.12	0.88
		Manek Urai	0.12	0.12	0.12	0.40	0.12	0.88
		Mengkebang	0.12	0.12	0.12	0.40	0.12	0.88
	JUMLAH KECIL		0.48	0.48	0.48	1.60	0.48	3.52
2.	PTJ Tanah Merah	Bukit Bunga	0.12	0.12	0.12	0.55	0.12	1.03
		Bukit Panau	0.12	0.12	0.12	0.40	0.12	0.88
		Gual Ipoh	0.12	0.12	0.12	0.55	0.12	1.03
		Kemahang	0.12	0.12	0.12	0.40	0.12	0.88
	JUMLAH KECIL		0.48	0.48	0.48	1.90	0.48	3.82
3.	PTJ Machang	Kemuning	0.12	0.12	0.12	0.40	0.12	0.88
		Pulai Chondong	0.12	0.12	0.12	0.40	0.12	0.88
		Temangan	0.12	0.12	0.12	0.40	0.12	0.88
	JUMLAH KECIL		0.36	0.36	0.36	1.20	0.36	2.64
JUMLAH KESELURUHAN			1.32	1.32	1.32	4.70	1.32	9.98

Sumber: PPN, PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang

5.2.1.2. Semakan Audit mendapati prestasi kewangan keseluruhan tiga PTJ bagi tahun 2018 hingga 2021 berjumlah RM9.76 juta (97.8%) berbanding jumlah peruntukan RM9.98 juta. Ia merangkumi RM3.39 juta (96.3%) daripada RM3.52 juta peruntukan di PTJ Kuala Krai, RM3.74 juta (97.9%) daripada RM3.82 juta bagi PTJ Tanah Merah dan RM2.63 juta (99.6%) daripada RM2.64 juta bagi PTJ Machang.

Prestasi kewangan tiga PTJ bagi tahun 2018 adalah 100%, 97.7% (2019), 98.2% (2020) dan 93.9% (2021). Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PRESTASI KEWANGAN PBRD TAHUN 2018 HINGGA 2021 BAGI TIGA PTJ

PUSAT TANGGUNG- JAWAB	KAWASAN DUN	PRESTASI PERBELANJAAN	TAHUN				JUMLAH
			2018	2019	2020	2021	
			(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
PTJ Kuala Krai	Dabong	Peruntukan	0.12	0.12	0.52	0.12	0.88
		Perbelanjaan	0.12	0.11	0.48	0.12	0.83
		Peratus (%)	100%	91.7%	92.3%	100%	94.3%
	Guchil	Peruntukan	0.12	0.12	0.52	0.12	0.88
		Perbelanjaan	0.12	0.11	0.45	0.12	0.80
		Peratus (%)	100%	91.7%	86.5%	100%	90.9%
	Manek Urai	Peruntukan	0.12	0.12	0.52	0.12	0.88
		Perbelanjaan	0.12	0.12	0.52	0.12	0.88
		Peratus (%)	100%	100%	100%	100%	100%
	Mengkebang	Peruntukan	0.12	0.12	0.52	0.12	0.88
		Perbelanjaan	0.12	0.12	0.52	0.12	0.88
		Peratus (%)	100%	100%	100%	100%	100%
PTJ Tanah Merah	Bukit Panau	Peruntukan	0.12	0.12	0.52	0.12	0.88
		Perbelanjaan	0.12	0.12	0.52	0.06	0.82
		Peratus (%)	100%	100%	100%	50%	93.2%
	Kemahang	Peruntukan	0.12	0.12	0.52	0.12	0.88
		Perbelanjaan	0.12	0.12	0.52	0.12	0.88
		Peratus (%)	100%	100%	100%	100%	100%
	Bukit Bunga	Peruntukan	0.12	0.12	0.67	0.12	1.03
		Perbelanjaan	0.12	0.12	0.67	0.12	1.03
		Peratus (%)	100%	100%	100%	100%	100%
	Gual Ipoh	Peruntukan	0.12	0.12	0.67	0.12	1.03
		Perbelanjaan	0.12	0.12	0.67	0.10	1.01
		Peratus (%)	100%	100%	100%	83.3%	98.1%
PTJ Machang	Pulai Chondong	Peruntukan	0.12	0.12	0.52	0.12	0.88
		Perbelanjaan	0.12	0.11	0.52	0.12	0.87
		Peratus (%)	100%	91.7%	100%	100%	98.9%
	Temangan	Peruntukan	0.12	0.12	0.52	0.12	0.88
		Perbelanjaan	0.12	0.12	0.52	0.12	0.88
		Peratus (%)	100%	100%	100%	100%	100%
	Kemuning	Peruntukan	0.12	0.12	0.52	0.12	0.88
		Perbelanjaan	0.12	0.12	0.52	0.12	0.88
		Peratus (%)	100%	100%	100%	100%	100%
JUMLAH KESELURUHAN		PERUNTUKAN	1.32	1.32	6.02	1.32	9.98
		PERBELANJAAN	1.32	1.29	5.91	1.24	9.76
		PERATUS (%)	100%	97.7%	98.2%	93.9%	97.8%

Sumber: PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang

Pendapat Audit | Prestasi kewangan PBRD 97.8% secara keseluruhannya bagi tiga PTJ adalah baik.

5.2.2. Bayaran Penuh Bagi Sumbangan Bahan Binaan yang Tidak Diterima Sepenuhnya

5.2.2.1. Mengikut perenggan 8.2 iv, Garis Panduan Program Bantuan Rumah Dhuafa' Kerajaan Negeri Kelantan (Pindaan kali ketiga berkuat kuasa 1 Januari 2017), proses pembayaran adalah mengikut peraturan kewangan semasa yang sedang berkuat kuasa. Perenggan 6.1, Pelaksanaan Pembinaan Rumah Dhuafa' Mengguna Pakai Peruntukan Tambahan Rumah Dhuafa', setiap pelaksanaan pembinaan dan pembaikan rumah ini hendaklah mematuhi segala pematuhan kewangan yang berkuat kuasa. Ia bertujuan supaya kerajaan mendapat pulangan yang terbaik pada setiap perbelanjaan yang dibuat. Mengikut Arahan Perbendaharaan 99(e)(i), baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna. Berdasarkan PP - PK2, bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

5.2.2.2. Semakan Audit berdasarkan baucar bayaran dan pengesahan fizikal mendapati **tiga penerima di PTJ Kuala Krai hanya menerima sebahagian daripada bahan binaan yang sepatutnya diterima dengan jumlah bahan binaan yang tidak diterima bernilai RM21,833**. Antara jenis bahan binaan yang tidak diterima adalah pasir, bata, simen, besi, pintu, papan lapis dan mangkuk tandas. Pihak Audit mendapati bayaran penuh berjumlah RM29,948 telah dibuat kepada pembekal melibatkan tiga baucar bayaran tahun 2018 dan 2019 seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
BAUCAR BAYARAN BAGI SUMBANGAN BAHAN BINAAN YANG
TIDAK DITERIMA OLEH PENERIMA YANG DILULUSKAN BANTUAN

BIL.	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	KAWASAN DUN	JUMLAH (RM)	JUMLAH BAHAN BINAAN (RM)		SENARAI BAHAN BINAAN YANG TIDAK DITERIMA
					DITERIMA	TIDAK DITERIMA	
PTJ KUALA KRAI							
1.	V0001523	01.11.2018	Dabong	9,999	1,865	8,134	Pasir, simen, bata, bingkai pintu dan tingkap, pintu, mangkuk tandas dan besi

BIL.	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	KAWASAN DUN	JUMLAH (RM)	JUMLAH BAHAN BINAAN (RM)		SENARAI BAHAN BINAAN YANG TIDAK DITERIMA
					DITERIMA	TIDAK DITERIMA	
2.	V0001782	03.12.2018	Dabong	9,999	1,515	8,484	Pasir, simen, bata, zink, bingkai pintu dan tingkap, pintu, mangkuk tandas, besi, papan lapis dan kayu
3.	V0001607	16.10.2019	Dabong	9,950	4,735	5,215	Pasir, <i>concrete rings</i> , pintu, bingkai pintu, mangkuk tandas, kayu dan siling
JUMLAH KESELURUHAN				29,948	8,115	21,833	

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.2.2.3. Perkara ini berlaku disebabkan PTJ tidak membuat pengesahan secara fizikal bersama penerima sumbangan sebelum pembayaran dibuat. Pengesahan dibuat hanya berdasarkan dokumen sokongan yang dilampirkan bersama baucar bayaran. Perkara ini menyebabkan rumah yang rosak tidak dibaiki sepenuhnya.

Maklum Balas PTJ Kuala Krai yang Diterima Pada 6 Julai 2022

Pihak PTJ Kuala Krai telah menyiasat serta mengarahkan pihak pembekal untuk membekal bahan binaan yang tidak diterima dan kesemua bahan binaan tersebut telah diterima oleh penerima bantuan.

Pendapat Audit | **Bahan binaan yang tidak diterima sepenuhnya menyebabkan rumah yang rosak tidak dapat dibaiki dan penerima bantuan terus tinggal dalam keadaan rumah yang tidak selamat dan selesa untuk diduduki.**

5.2.3. Bayaran Penuh Bagi Kerja yang Tidak Sempurna

5.2.3.1. Mengikut perenggan 8.2 iv, Garis Panduan Program Bantuan Rumah Dhuafa' Kerajaan Negeri Kelantan (Pindaan kali ketiga berkuat kuasa 1 Januari 2017), proses pembayaran adalah mengikut peraturan kewangan semasa yang sedang berkuat kuasa. Perenggan 9.1 Pekeliling Pembangunan Bil.3/2020 menyatakan agensi pelaksana hendaklah memantau pelaksanaan projek oleh kontraktor dan memastikan projek siap dan diserahkan kepada penerima bantuan seberapa segera sebelum

pembayaran dibuat. Perenggan 6.1, Pelaksanaan Pembinaan Rumah Dhuafa' Mengguna Pakai Peruntukan Tambahan Rumah Dhuafa', setiap pelaksanaan pembinaan dan pembaikan rumah ini hendaklah mematuhi segala pematuan kewangan yang berkuat kuasa. Ia bertujuan supaya kerajaan mendapat pulangan yang terbaik pada setiap kewangan yang dibelanjakan.

5.2.3.2. Mengikut Arahan Perbendaharaan 99(e)(i), baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna. Berdasarkan PP - PK2, bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

5.2.3.3. Semakan Audit terhadap skop kerja dan pengesahan fizikal mendapati **10 baucar bayaran bagi kerja baik pulih rumah yang tidak dilaksanakan bernilai RM20,939 telah dibuat pembayaran pada tahun 2020 dan 2021. Ia melibatkan lima baucar bayaran bagi kerja yang tidak dilaksanakan berjumlah RM14,169 di PTJ Tanah Merah dan lima baucar bayaran berjumlah RM6,770 di PTJ Kuala Krai.** Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
BAYARAN PENUH BAGI KERJA BAIK PULIH RUMAH YANG TIDAK SEMPURNA

BIL.	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	KAWASAN DUN	KOS (RM)	KOS YANG DILAKSANAKAN (RM)	KOS YANG TIDAK DILAKSANAKAN (RM)	SENARAI KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN
PTJ KUALA KRAI							
1.	V0001610	03.12.2020	Guchil	10,000.00	9,300.00	700.00	Membekal dan memasang papan (<i>fasiaboard</i>)
2.	V0001650	08.12.2020	Guchil	9,980.00	7,060.00	1,500.00	Pendawaian baru untuk bahagian dapur dan tandas termasuk <i>plug</i> lampu
						800.00	Kerja mengecat kedua-dua belah bahagian dinding dalam dan luar
						620.00	Menyediakan dan menyiapkan siling berukuran 15x10ft
3.	V0001651	08.12.2020	Guchil	10,000.00	9,200.00	500.00	Membekal dan memasang satu unit pintu panel kerangka besi bersaiz 830x1200mm mengikut spesifikasi pengeluar

BIL.	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	KAWASAN DUN	KOS (RM)	KOS YANG DILAKSANAKAN (RM)	KOS YANG TIDAK DILAKSANAKAN (RM)	SENARAI KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN
						300.00	Membekal dan memasang satu tingkap berbingkai yang dipasang dengan ram 9mm tebal tidak dikawait lebih kurang 38mm dari pusat ke pusat
4.	V0001652	08.12.2020	Guchil	9,999.00	7,999.00	500.00	Membekal dan memasang satu pintu panel kerangka besi bersaiz 830x1200mm mengikut spesifikasi pengeluar
						300.00	Membekal dan memasang satu tingkap berbingkai yang dipasang dengan ram 9mm tebal tidak dikawait lebih kurang 38mm dari pusat ke pusat
						1,200.00	Membuat pendawaian baru serta membekal dan memasang elektrik dua lampu kalimantan mengikut spesifikasi sehingga selesai serta kerja-kerja lain yang berkaitan
5.	21AUBB040 00954	07.10.2021	Mengkebang	15,000.00	14,650.00	350.00	Membekal dan memasang satu pintu panel kayu keras berketam bersaiz 830x2100mm dikemaskan dengan dua lapisan kemas varnis mengikut spesifikasi pengeluar
JUMLAH KECIL				54,979.00	48,209.00	6,770.00	
PTJ TANAH MERAH							
1.	V0001608	25.11.2020	Kemahang	9,970.00	8,700.00	250.00	Membekal pasir satu lori
						400.00	Membekal simen (20 beg)
						500.00	Membekal besi tiga hon sebanyak 20 batang
						120.00	Membekal besi lir sebanyak 12 batang
2.	V0001636	26.11.2020	Bukit Panau	10,000.00	6,736.00	960.00	Membekal batang kayu 2x5x10 dan penghantaran sebanyak 20 batang
						2,304.00	Membekal batang kayu 2x2x20 dan penghantaran sebanyak 72 batang

BIL.	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	KAWASAN DUN	KOS (RM)	KOS YANG DILAKSANAKAN (RM)	KOS YANG TIDAK DILAKSANAKAN (RM)	SENARAI KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN
3.	V0001635	26.11.2020	Bukit Panau	10,000.00	4,420.00	960.00	Membekal batang kayu 2x5x10 dan penghantaran sebanyak 20 batang
						2,304.00	Membekal batang kayu 2x2x20 dan penghantaran sebanyak 72 batang
						216.00	Membekal keping atap sagu dan penghantaran sebanyak 54 keping
						2,100.00	Membekal keping bata merah dan penghantaran sebanyak 1500 keping
4.	V0001634	26.11.2020	Bukit Panau	10,000.00	6,736.00	960.00	Membekal batang kayu 2x5x10 dan penghantaran sebanyak 20 batang
						2,304.00	Membekal batang kayu 2x2x20 dan penghantaran sebanyak 72 batang
5.	V0001224	22.10.2020	Kemahang	5,000.00	4,208.20	700.00	Membekal papan lantai panjang 10 kaki sebanyak 20 keping
						91.80	Membekal satu sinki
JUMLAH KECIL				44,970.00	30,800.20	14,169.80	
JUMLAH KESELURUHAN				99,949.00	79,009.20	20,939.80	

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.2.3.4. Perkara ini berlaku disebabkan pihak PTJ tidak membuat pengesahan secara fizikal bersama penerima bantuan baik pulih rumah. Pengesahan dibuat hanya berdasarkan kepada gambar yang dihantar oleh pihak pejabat ADUN yang dilampirkan untuk pembayaran. Perkara ini menyebabkan rumah penerima bantuan yang rosak tidak dibaiki sepenuhnya. Penerima bantuan juga terus tinggal dalam rumah yang kurang selamat dan selesa untuk diduduki.

Maklum Balas PTJ Kuala Krai dan PTJ Tanah Merah yang Diterima Pada 6 Julai 2022

Kesemua lima rumah di PTJ Kuala Krai telah dilaksanakan kerja baik pulih sebagaimana skop kerja yang ditetapkan.

Pihak PTJ Tanah Merah memaklumkan satu daripada lima rumah telah dilaksanakan kerja baik pulih sepenuhnya dan bagi empat rumah telah dihantar bahan binaan sebagaimana butiran kerja, bagaimanapun kerja baik pulih masih belum dilaksanakan.

**Pendapat
Audit**

Kerja baik pulih rumah yang tidak dilaksanakan sepenuhnya berdasarkan skop kerja yang diluluskan menyebabkan penerima bantuan terus tinggal dalam keadaan rumah yang tidak selamat dan kurang selesa.

5.2.4. Bantuan Diluluskan/Digunakan di Luar Skop Program

5.2.4.1. Pelaksanaan program bermula 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2019 adalah tertakluk kepada Garis Panduan Program Bantuan Rumah Dhuafa' Kerajaan Negeri Kelantan (Pindaan kali ketiga berkuat kuasa 1 Januari 2017). Berdasarkan garis panduan tersebut, bantuan baik pulih/sumbangan bahan binaan dan upah kerja diberikan kepada KIR yang mempunyai rumah yang masih ekonomik untuk dibaiki. Skop bantuan baik pulih/sumbangan bahan binaan dan upah kerja hanya melibatkan komponen-komponen asas rumah dan tidak termasuk kerja-kerja membina/membaik pulih bahagian luar rumah seperti pagar, garaj, perigi dan lain-lain. Bahan binaan yang digunakan hendaklah sama atau setara dengan spesifikasi bahan binaan baharu. Sebarang pengecualian daripada skop di atas mestilah mendapat kelulusan YAB Menteri Besar dan perakuan Ketua Jajahan.

5.2.4.2. Pekeliling Pembangunan Bil. 3/2020, yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2020, skop bantuan bagi baik pulih/sumbangan bahan binaan dan upah kerja diberikan kepada KIR yang mempunyai rumah yang masih ekonomik untuk dibaiki. Skop bantuan baik pulih/sumbangan bahan binaan dan upah kerja hanya melibatkan komponen-komponen asas rumah dan tidak termasuk kerja-kerja membina/membaik pulih bahagian luar rumah seperti pagar, garaj, perigi dan lain-lain. Bahan binaan yang digunakan hendaklah sama atau setara dengan spesifikasi bahan binaan baharu. Sebarang pengecualian daripada skop di atas mestilah mendapat kelulusan YAB Menteri Besar, Ketua Jajahan atau Pengarah Pembangunan Negeri.

5.2.4.3. Semakan Audit terhadap baucar bayaran dan pengesahan fizikal mendapati **empat bantuan sumbangan bahan binaan yang diluluskan adalah di luar skop PBRD dengan nilai setiap bantuan antara RM368 hingga RM1,940 kepada tiga penerima di PTJ Kuala Krai.** Bantuan yang diluluskan

adalah untuk pembinaan satu lot kedai pakaian terpakai dan komponen bukan asas rumah iaitu *culvert* yang keseluruhannya bernilai RM4,361. Kesemua sumbangan tersebut tidak mendapat sebarang pengecualian serta kelulusan YAB Menteri Besar, Ketua Jajahan atau Pengarah Pembangunan Negeri. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 25** dan **Gambar 17** hingga **Gambar 18**.

JADUAL 25
KERJA BAIK PULIH/SUMBANGAN BAHAN BINAAN DI LUAR SKOP PBRD

BIL.	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	KAWASAN DUN	JUMLAH BAHAN BINAAN DITERIMA (RM)	CATATAN
1.	V0000598	29.06.2020	Manek Urai	1,940.00	Sumbangan <i>culvert</i> , simen dan pasir
2.	V0000597	29.06.2020	Manek Urai	1,375.00	Sumbangan <i>culvert</i> , simen dan bata
3.	V0001445	24.09.2019	Manek Urai	368.00	Sumbangan batu dan zink digunakan untuk membina satu lot kedai menjual pakaian terpakai
4.	V0000945	22.07.2018		678.60	
JUMLAH				4,361.60	


Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 17



Manek Urai, Kuala Krai
- Pembinaan Kedai
(18.11.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 18



Manek Urai, Kuala Krai
- Pembinaan *Culvert*
(18.11.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

5.2.4.4. Perkara ini berlaku disebabkan kesemua sumbangan bahan binaan yang diluluskan tidak menggunakan borang PBRD. Permohonan yang dikemukakan oleh pihak pejabat ADUN hanya mempunyai senarai nama pemohon dan jumlah belanja yang diperlukan. Tanpa borang permohonan, Penolong Jurutera tidak akan membuat siasatan serta memberi ulasan terhadap permohonan tersebut. Pengesahan penerimaan sumbangan hanya berdasarkan gambar yang disertakan sebelum pembayaran dibuat.

5.2.4.5. Bantuan baik pulih dan sumbangan bahan binaan yang diluluskan/digunakan di luar skop program mengakibatkan rumah sedia ada tidak diperbaiki serta objektif PBRD tidak tercapai.

Maklum Balas PTJ Kuala Krai yang Diterima Pada 19 Mei 2022

Perkara ini berlaku kerana terdapat kekangan kerja dan masa daripada PTJ untuk memantau setiap kerja atau bekalan yang dilaksanakan.

Bagi setiap permohonan, PTJ mengambil kira pengesahan dan sokongan pihak pejabat ADUN/Penghulu memandangkan mereka lebih mengetahui apa yang pemohon perlukan pada situasi atau keadaan semasa.

Bagaimanapun, PTJ telah mengambil langkah pemantauan dan semakan bagi memastikan setiap permohonan adalah menepati skop dan juga objektif PBRD.

Pendapat Audit	Bantuan yang diluluskan atau digunakan di luar skop PBRD menyebabkan peruntukan program tidak dapat dimanfaatkan kepada golongan sasaran yang lebih memerlukan tempat kediaman yang selamat dan selesa.
-----------------------	--

5.2.5. Pembinaan Rumah Baharu Tidak Mengikut Spesifikasi dan Kualiti Ditetapkan

5.2.5.1. Pelaksanaan pembinaan rumah baharu tertakluk kepada garis panduan dan surat kuasa seperti berikut:

- a. Berdasarkan Garis Panduan Program Bantuan Rumah Dhuafa' Kerajaan Negeri Kelantan (Pindaan kali ketiga berkuat kuasa 1 Januari 2017), keluasan standard bagi bina baharu adalah 816 kaki persegi dan mempunyai tiga bilik tidur, satu bilik air dan satu tandas. Pelan rumah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK) dan pelan rumah bantuan banjir 2014 digunakan sebagai penanda aras. Antara spesifikasi pembinaan rumah baharu yang ditetapkan adalah pemasangan *awning* dibuat di bahagian belakang rumah.
- b. Surat Kuasa Arah Pelaksanaan Projek PPN Kelantan (SKP) Bil. 053/2020, Pelaksanaan Fasa 2 Program Pembinaan dan Pembaikan Khas Rumah-Rumah Dhuafa' di Seluruh Kawasan DUN dan Kawasan Seliaan Penyelia DUN menyatakan jumlah bantuan antara RM40,000 sehingga RM45,000, spesifikasi keluasan standard bina baharu adalah 816 kaki persegi dan mempunyai tiga bilik tidur, satu bilik air dan satu tandas. Antara ciri rumah adalah:

- i. rujukan pelan binaan adalah sebagaimana pelan rumah zakat MAIK 2018, dengan dipinda daripada siling di bahagian luar kepada jubin di bahagian tandas;
 - ii. pintu utama dan pintu belakang adalah dari jenis pintu panel kayu keras;
 - iii. penggunaan kerangka bumbung adalah dari jenis kerangka kayu atau jenis kerangka besi yang diluluskan oleh Ketua Jajahan manakala besi tetulang bagi rasuk dan tiang rumah adalah bersaiz Y12; dan
 - iv. penyediaan tapak, kos mencuci kawasan dan kelengkapan bekalan elektrik dan air seperti empat unit kipas, 11 unit lampu dan suis, tujuh unit plug dan telaga tiub untuk air (termasuk penyambungan) adalah diambil kira dalam kos pembinaan.
- c. Mengikut Garis Panduan PBRD, agensi pelaksana (Pejabat Tanah dan Jajahan) hendaklah memantau pelaksanaan projek oleh kontraktor dan memastikan projek siap dan diserahkan kepada penerima bantuan seberapa segera sebelum pembayaran dibuat.

5.2.5.2. Semakan Audit di PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang mendapati penemuan seperti berikut:

- a. **Sebanyak 11 rumah baharu yang dibina tidak dipasang dengan awning di bahagian belakang rumah.** Ia melibatkan tiga rumah di PTJ Kuala Krai, tiga rumah di PTJ Tanah Merah dan lima rumah di PTJ Machang. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 26** dan **Gambar 19** hingga **Gambar 20**.

JADUAL 26
PEMBINAAN RUMAH BAHARU TIDAK
MENGIKUT SPESIFIKASI YANG DITETAPKAN

BIL.	NO. BAUCAR	JUMLAH (RM)	KAWASAN DUN	BILIK AIR	TANDAS	AWNING PINTU BELAKANG
PTJ KUALA KRAI						
1.	21AUBB0401392	45,000	Guchil	/	/	X
2.	21AUBB0401391	45,000	Guchil	/	/	X
3.	21AUBB0400999	45,000	Manek Urai	/	/	X
PTJ TANAH MERAH						
1.	V0001741	40,000	Kemahang	/	/	X
2.	V0001721	40,000	Kemahang	/	/	X
3.	TM	40,000	Bukit Panau	/	/	X

BIL.	NO. BAUCAR	JUMLAH (RM)	KAWASAN DUN	BILIK AIR	TANDAS	AWNING PINTU BELAKANG
PTJ MACHANG						
1.	V0001376	40,000	Temangan	/	/	X
2.	V0001374	40,000	Temangan	/	/	X
3.	V0000503	40,000	Pulai Chondong	/	/	X
4.	V0000504	40,000	Pulai Chondong	/	/	X
5.	V0000365	40,000	Pulai Chondong	/	/	X

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (TM) – Tiada maklumat

GAMBAR 19



Manek Urai, Kuala Krai
- Awning Belakang Tidak Dipasang
(11.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 20



Pulai Chondong, Machang
- Awning Belakang Tidak Dipasang
(06.04.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- b. Pihak Audit mendapati rumah yang dibina menggunakan peruntukan tambahan fasa 2 tahun 2020 tidak menyediakan peralatan rumah mengikut ciri dan kuantiti yang ditetapkan. Hasil lawatan Audit ke PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang mendapati **rumah yang dibina tidak dibekalkan dengan bilangan kipas yang mencukupi dan pintu panel kayu keras seperti yang ditetapkan** dalam Surat Kuasa Arah Pelaksanaan Projek Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan (SKP) Bil 053/2020. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
PERALATAN RUMAH YANG DISEDIAKAN
TIDAK MENGIKUT KUANTITI YANG DITETAPKAN

BIL.	NO. BAUCAR	JUMLAH BAUCAR (RM)	DUN	KIPAS		PINTU PANEL KAYU KERAS	
				SEPATUT DIBEKAL	BEKAL	SEPATUT DIBEKAL	BEKAL
PTJ KUALA KRAI							
1.	V0001213	45,000	Manek Urai	4	1	2	0
2.	V0001538	45,000	Manek Urai	4	1	2	2

BIL.	NO. BAUCAR	JUMLAH BAUCAR (RM)	DUN	KIPAS		PINTU PANEL KAYU KERAS	
				SEPATUT DIBEKAL	BEKAL	SEPATUT DIBEKAL	BEKAL
PTJ TANAH MERAH							
1.	V0001703	45,000	Gual Ipoh	4	4	2	0
2.	21ASBB0401044	45,000	Kemahang	4	2	2	1
PTJ MACHANG							
1.	21APBB0400650	40,000	Kemuning	4	3	TB	TB

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (TB) – Tidak Berkenaan

- c. Lawatan fizikal Audit di Kuala Krai dan Machang mendapati **lapan buah rumah yang dibina kurang memuaskan. Antaranya, cat yang nipis di bahagian dalam rumah, pintu bilik air yang lebih pendek dari bingkai pintu, tiang antara bilik air dan bilik tidak dibuat, concrete rings untuk tangki najis dipasang secara melintang, siling dipasang tidak kemas dan lepaan pada dinding yang tidak memuaskan.** Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 28** dan **Gambar 21** hingga **Gambar 23**.

JADUAL 28
KUALITI PEMBINAAN RUMAH BAHARU KURANG MEMUASKAN

BIL.	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	KAWASAN DUN	JUMLAH (RM)	CATATAN	NO. GAMBAR
PTJ KUALA KRAI						
1.	21AUBB0401392	16.12.2021	Guchil	45,000	- Bahagian dalaman rumah tidak dicat dengan sempurna - Rumah telah siap	-
2.	21AUBB0401391	16.12.2021	Guchil	45,000	- Saiz pintu bilik tidak mengikut ukuran bingkai - Lepaan dinding kurang kemas dan tidak memuaskan - Rumah telah siap	-
3.	V0001613	03.12.2020	Dabong	45,000	- Tiada satu tiang antara pintu bilik air dan bilik tidur dan tiada tetulang bahagian dalam antara bilik - Rumah dalam pembinaan	21
4.	V0001530	26.11.2020	Dabong	45,000	- Pintu tandas tidak mengikut ukuran saiz bingkai - Rumah telah siap	22

BIL.	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	KAWASAN DUN	JUMLAH (RM)	CATATAN	NO. GAMBAR
5.	V0001529	26.11.2020	Dabong	40,000	- Concrete rings tangki najis dipasang secara melintang - Rumah telah siap	-
6.	V0001607	03.12.2020	Dabong	40,000	- Siling bahagian bilik tidak dipasang dengan kemas - Bahagian bilik tidak dicat dengan baik iaitu dinding bilik hanya dicat lapisan putih sahaja - Rumah telah siap	-
PTJ MACHANG						
1.	V0000972	14/11/2018	Kemuning	40,000	- Rekahan pada dinding belakang dan depan - Rumah telah siap	23
2.	21APBB0400650	14/11/2021	Kemuning	40,000	- Cat <i>undercoat</i> sahaja pada bahagian dalam rumah - Rumah telah siap	-
JUMLAH				340,000		


Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 21



Dabong, Kuala Krai
- Tiang Antara Bilik Air dan Bilik Tidur Tidak Dibina
(25.01.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 22



Dabong, Kuala Krai
- Saiz Pintu Tandas Tidak Mengikut Saiz Ukuran Bingkai
(29.03.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 23
Kemuning, Machang
- Rekahan Pada Dinding
(05.04.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

5.2.5.3. Perkara ini berlaku disebabkan kurang pemantauan daripada pihak PTJ terhadap pelaksanaan kerja. Kontraktor mengambil kesempatan menjimatkan kos dengan tidak memasang *awning* pintu belakang, pintu yang lebih berkualiti dan kipas yang mencukupi. Kelemahan pemantauan tersebut antaranya disebabkan kekangan kerja dan pandemik Covid-19 pada tahun tersebut.

5.2.5.4. Rumah yang dibina tidak mengikut pelan asas dan melibatkan perubahan struktur bangunan dikhuatiri tidak selamat untuk diduduki. *Awning* pintu belakang yang tidak dipasang akan menjejaskan ketahanan pintu tersebut disebabkan lebih terdedah kepada cuaca panas dan hujan. Nilai bayaran yang dibuat telah mengambil kira kos *awning* yang sepatutnya dipasang, spesifikasi pintu yang ditetapkan dan bilangan kipas yang mencukupi. Tangki najis yang tidak mengikut spesifikasi dan kualiti menyumbang kepada pencemaran alam sekitar.

Maklum Balas PTJ Kuala Krai, PTJ Tanah Merah dan PTJ Machang yang Diterima Pada 6 Julai 2022

Kesemua tiga rumah di PTJ Kuala Krai telah dibuat pemasangan *awning* oleh kontraktor. Dua daripada enam rumah telah dilaksanakan kerja mengecat bahagian dalaman rumah, pemasangan pintu bilik dan lepaan pada dinding sebagaimana spesifikasi dan kualiti ditetapkan.

Kesemua tiga rumah di PTJ Tanah Merah telah dibuat pemasangan *awning* oleh kontraktor, satu rumah telah dipasang dengan bilangan kipas yang mencukupi dan satu rumah telah dibuat pemasangan pintu panel kayu keras sebagaimana ditetapkan.

Bagi PTJ Machang, kesemua lima rumah telah dibuat pemasangan *awning* oleh kontraktor, satu rumah telah dibuat pemasangan kipas yang mencukupi, rekahan pada dinding bagi satu rumah telah dibaik pulih dan kerja mengecat bahagian dalam rumah telah dilaksanakan sebagaimana spesifikasi dan kualiti ditetapkan.

Pendapat Audit | **Tindakan pembedaan terhadap kerja yang tidak mengikut spesifikasi dan kualiti ditetapkan hanya diambil selepas teguran Audit.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa PBRD dari segi pencapaian output adalah memuaskan. Dari aspek keberhasilan, walaupun PBRD dapat memberi manfaat kepada penerima, namun objektif PBRD belum dapat dicapai sepenuhnya untuk meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin tegar dan miskin bagi menyediakan kediaman yang lebih selamat dan selesa. Bagi pengurusan PBRD pula, terdapat kelemahan dari aspek pengurusan bayaran, spesifikasi dan kualiti serta pemantauan program.

7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif program dapat dicapai, adalah disyorkan kepada pihak terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

7.1. Kerajaan negeri/PPN perlu meletakkan sasaran bagi pelaksanaan PBRD berdasarkan bilangan KIR yang perlu dibantu setiap tahun dengan mengambil kira populasi KIR miskin tegar dan miskin;

7.2. PPN sebagai penyelaras PBRD perlu mengkaji semula SOP bagi pelaksanaan bantuan dalam bentuk sumbangan bahan binaan bagi memastikan bahan binaan diterima sepenuhnya dan dimanfaatkan untuk membaiki rumah;

7.3. PTJ perlu membuat pengesahan fizikal terhadap bekalan dan kerja yang dilaksanakan oleh pembekal serta kontraktor sebelum bayaran dibuat; dan

7.4. PTJ perlu melakukan pemantauan terhadap tiga jenis bantuan bagi memastikan bekalan/kerja dilaksanakan mengikut skop bantuan, spesifikasi serta kualiti yang ditetapkan dan dimanfaatkan untuk mencapai objektif PBRD.